

29 MAY 2001

PROJEK KOTA PERDANA SERTA PAMERAN DUNIA DI NEW YORK

JITRA, 29 Mei (Bernama) -- Projek Kota Perdana Asean Industrial Metropolis (Kota Perdana) di Bukit Kayu Hitam dekat sini adalah antara 20 projek pembangunan kelas perdana dunia yang akan menyertai pameran di Kongres Perbandaran Baru di New York 7 Jun ini.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata pameran itu akan disertai 1,500 syarikat dari seluruh dunia termasuk bank dan firma antarabangsa.

Beliau berkata penyertaan projek Kota Perdana di peringkat pameran dunia itu akan membuka ruang kepada pelabur seluruh dunia untuk membuat pelaburan di sini.

Projek itu dibangunkan oleh Northern Gateway Berhad iaitu syarikat usahasama Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan Benua Bayu Sdn Bhd.

Pemilihan Kota Perdana untuk pameran itu kerana ia merupakan projek terbesar di Asia pada masa kini yang dalam pelaksanaan, kata Syed Razak selepas mengiringi Sultan Kedah pada majlis taklimat mengenai pembangunan Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam.

Kota Perdana merupakan kawasan perdagangan bebas seluas 2,400 hektar yang bakal menarik pelaburan sebanyak RM20 bilion dan dapat mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan.

Projek itu mula dilaksanakan pada Mac lepas dan upacara meletak batu asasnya disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MNH RI